

**KESUNYIAN DAN EKSTRAVERSI:
KAJIAN KES INSTRUMENTAL TENTANG
PERSONALITI MANGSA JENAYAH CINTA
SIBER DI IBU PEJABAT POLIS PETALING
JAYA, SELANGOR**

KESUNYIAN DAN EKSTRAVERSI: KAJIAN KES INSTRUMENTAL TENTANG PERSONALITI MANGSA JENAYAH CINTA SIBER DI IBU PEJABAT POLIS PETALING JAYA, SELANGOR

Zulkufli Ismail¹ (Diploma Siswazah)

Pusat Pengajian Sains Pengurusan, Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM)

ABSTRACT

Counterfeit profile identity through social media channels by cybercriminals are challenging to prevent. This paper explores the characteristics of victims of cybercrime, in particular, the romance fraud cybercrime. The qualitative study involved twelve victims of the roman fraud cybercrime, reported at the office of the Commercial Criminal Investigation Division, Petaling Jaya Police Headquarters. The study employed semi-structured interviews and non-participatory observations technique to collect its primary data. Two secondary informants who served as key informants from the Office of the Deputy Director (Cyber Investigation and Multimedia Division) of the Bukit Aman Commercial Crime Investigation Department and Communications and Multimedia Commission (MCMC) in Putrajaya were interviewed to gain further insight about individual personality traits that is potential to become victims of romance fraud cybercrime. Victimology theory is used to assess the typology of victims targeted by cybercriminals. The study found that the dominant personality traits describing victims of cyber-love crime in Petaling Jaya area are loneliness and extraversion. The paper believes that the education efforts and awareness campaigns organised by the PDRM and MCMC are not sufficient to raise social media users' awareness of the dangers of using open digital platforms.

Keywords: Cyber love crime, romance fraud cybercrime, personality traits, victimology,

¹ Penulis koresponden (zulkufliismailmpdrmk@gmail.com)

PENDAHULUAN

Ancaman jenayah cinta siber merupakan masalah pandemik dalam kalangan pengguna media sosial di Malaysia dengan adanya enjin pencarian seperti *Google, Yahoo, Bing* dan laman perkongsian video seperti *YouTube*. Kini, segala maklumat berada di hujung jari manusia. Statistik *Internet World Stats* tahun 2018 (*Usage and Population Statistics*), melaporkan bahawa seramai 3.023 bilion orang merupakan pengguna atas talian. Kemunculan mendadak pelbagai bentuk enjin pencarian atas talian kemudiannya menyumbang kepada pelbagai jenis masalah sosial dan jenayah yang berkaitan dengannya.

Salah satu bentuk jenayah siber yang meningkat di Malaysia adalah jenayah cinta siber. Whitty dan Buchanan (2015) mentakrifkan jenayah cinta siber sebagai satu situasi di mana penjenayah berpura-pura menjalinkan hubungan cinta, pemalsuan profil akaun laman sosial dan penciptaan identiti baru dengan niat memperdaya mangsa. Malaysia tidak terkecuali menjadi pangkalan sindiket jenayah cinta siber antarabangsa. Sindiket yang didalangi warga Afrika, terutamanya dari Nigeria, mendatangkan kerugian jutaan ringgit hasil daripada kegiatan jenayah cinta siber. Statistik Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia melaporkan wujud peningkatan kes saban tahun. Contohnya, pada tahun tahun 2018 sehingga 31 Julai 2018, sejumlah 1116 kes direkodkan dengan nilai kerugian sebanyak RM64,295,120.14 (Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM 2018a).

Ancaman jenayah siber merupakan isu yang perlu diberi perhatian yang serius oleh semua pihak. Ianya meninggalkan pelbagai kesan negatif kepada mangsa. Pelbagai peringatan diberi bagi tujuan kesedaran dan pengetahuan kepada masyarakat. Namun, penipuan jenayah cinta siber terus berlaku. Ia “menyerang” pengguna secara atas talian tanpa mengira bangsa dan agama. Parker (1998) menyatakan jenayah komputer boleh didefinisikan sebagai sebarang kegiatan yang dikaitkan dengan komputer dalam apa-apa cara dan boleh menyebabkan mangsa mengalami atau menyebabkan penderitaan, kehilangan dan berterusan. Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman (2018b) pula mengelasifikasi jenayah siber kepada dua jenis; iaitu jenayah komputer (*computer crime*) dan jenayah berhubung kait komputer (*computer assisted crime / enable crime*).

Perwatakan menarik, pekerjaan yang hebat dan aset bernilai jutaan ringgit dijadikan sebagai modal utama untuk menjalin perhubungan dengan individu yang berpotensi menjadi sasaran (Azianura, Yeap & Mohammad Rahim 2018). Sehubungan itu, makalah ini menerokai penipuan jenayah cinta siber dari perspektif mangsa di Malaysia dengan memberi fokus kepada latar belakang mangsa di daerah Petaling Jaya.

TINJAUAN LITERATUR

Penipuan dalam jenayah cinta siber merupakan masalah pandemik yang meningkat dan menjadi kebimbangan global kerana penjenayah berupaya mengenali potensi mangsa dalam ruang siber (Bergiel, Bergiel & Balsmeier 2008). Whitty dan Buchanan (2015) mendedahkan bahawa jerat cinta atas talian mula dilaporkan pada tahun 2008. Dalam hal ini, Aziannura et al., (2018:51) menjelaskan bahawa jenayah penipuan dianggap prolifik dari segi kekerapan jenayah di Malaysia, bahkan negara rantau lain. Jenayah cinta siber memberi kesan kepada mangsa secara psikologi seperti kemurungan, perasaan bersalah, malu, marah dan takut serta tekanan emosi. Elemen pengaruh sosial digunakan oleh penjenayah ke atas mangsa demi mengubah sikap, kepercayaan, persepsi atau tingkah laku lainnya. Penjenayah lazimnya memperlihatkan tingkah laku mengambil berat, rasa ditemani, tanggungjawab, persahabatan dan kepercayaan (Kopp 2016).

Kenrick, McCreath, Govern, King dan Bordin (1990) mendapati wanita lebih cenderung mencari pasangan yang mempunyai status ekonomi yang tinggi, manakala, penjenayah lelaki pula lazimnya mencari pasangan yang mempunyai fizikal yang menarik. Sasaran individu untuk dijadikan mangsa lazimnya dituju kepada seseorang yang hidup kesunyian dan merasakan kehadiran seseorang dapat mengurangkan kesunyian di hati. Ciri-ciri mangsa berikutnya ialah personaliti mencari sensasi dengan tujuan mencari sesuatu yang baru dalam hidup (Zuckerman 1994). Selain itu, personaliti kebersetujuan dan ekstraversi turut mudah mempercayai pujuhan penjenayah (Evans & Revelle 2008). Kesemua personaliti ini memberi kesan kepada kehidupan mangsa dari aspek sosial dan perhubungan kerana tidak mendapat sokongan sosial apabila menjadi mangsa jenayah cinta siber (Ross & Smith 2011). Rozmi (2011)

dalam kajiannya menyatakan bahawa terdapa tiga faktor yang mempengaruhi seseorang mangsa untuk menurut segala kehendak dan permintaan penjenayah cinta siber. Faktor tersebut ialah mood positif, timbal balas dan memberi sebab.

Secara ringkasnya, faktor psikologi yang menyebabkan sesetengah individu terutamanya wanita mudah menjadi mangsa jenayah cinta siber banyak diteliti oleh Whitty (2015). Antara faktor-faktor tersebut ialah *loneliness* (kesunyian), *sensation seekers* (mencari sensasi), *personality characteristics* (ciri-ciri keperibadian) dan *romantic beliefs* (kepercayaan romantis) yang menjadikan seseorang individu terjerumus dalam jenayah cinta siber sebagai mangsa. Akhir sekali, berdasarkan sorotan kajian lepas didapati beberapa jurang kajian dapat dipenuhi untuk diteliti secara lanjut. Pertamanya, kajian mengenai ciri-ciri personaliti mangsa jenayah cinta siber masih kurang diterokai di daerah Petaling Jaya. Ia menjadi cabaran kepada kajian ini untuk menganalisis menggunakan pendekatan kajian kes instrumental bagi memahami faktor-faktor personaliti yang membolehkan seseorang individu berpotensi menjadi mangsa jenayah siber.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kualitatif menerusi pendekatan kajian kes instrumental (Creswell 2009) digunakan untuk menerokai ciri-ciri personaliti informan dalam penipuan jenayah siber. Kriteria utama pemilihan bandar Petaling Jaya adalah kerana ianya mencatat jumlah kes jenayah cinta siber tertinggi (Jabatan Siasatan Jenayah Komersil PDRM 2018c). Teori viktimalogi atau pemangsaan paradigma Ezzat Abdel Fattah (2000) digunakan mendeksripsi indikator yang membolehkan seseorang individu menjadi mangsa jenayah cinta siber. Sejumlah 12 orang informan primer dan dua orang informan sekunder telah ditemui bual. Informan sekunder terdiri daripada dua orang dari Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia) Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM). Untuk informan primer (mangsa), ciri-ciri demografi sampel adalah seperti menetap di daerah Petaling Jaya, Selangor, mempunyai kemahiran asas pertuturan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, berkhidmat dalam sektor profesional, sektor awam, swasta

dan badan berkanun, berpendidikan formal dengan pendapatan bermula dari RM3,000.00 dan ke atas.

Teknik pengumpulan data melalui kaedah pemerhatian tidak turut serta diaplikasi pada bulan Ogos 2018 sehingga Januari 2019 di IPD Petaling Jaya. Analisis data sekunder dilakukan terhadap dokumen dan statistik dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman, Tingkat 28 dan 35, Menara KPJ Kuala Lumpur dan Bahagian Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya Selangor. Analisis tematik digunakan untuk memahami bagaimana informan berfikir dalam mengeluarkan idea tentang situasi yang dialami dalam komuniti. Melalui teknik tersebut, ianya memudahkan proses mengkategorikan temu bual separa struktur untuk dipadankan dengan model kajian yang mendiksripsikan teori pemangsaan dan mengenalpasti ciri-ciri personaliti mangsa penipuan jenayah cinta siber.

DAPATAN KAJIAN

Dalam konteks kajian jenayah cinta siber, kajian-kajian lepas dalam kalangan mangsa jenayah cinta siber mendapati kebanyakan mangsa mempunyai personaliti *sensation seeking* iaitu keinginan untuk mencari sesuatu yang baru. Berbeza daripada dapatan kajian-kajian terdahulu, kajian mangsa jenayah siber di daerah Petaling Jaya ini mendapati ciri-ciri personaliti kesunyian dan ekskaversi adalah ciri-ciri yang dominan dalam kalangan 12 orang mangsa yang ditemu bual.

Kesunyian (*loneliness*)

Ramai wanita yang pernah menjadi mangsa atau hampir pernah menjadi mangsa adalah mereka yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan yang erat, terutamanya hubungan intim. Kebanyakan mangsa adalah individu yang telah bercerai, tidak bahagia dengan pasangan atau hidup berseorangan yang menyebabkan mereka hidup dalam kesunyian pada kebanyakan masa (Azianura et al., 2018: 61). Hati yang kesunyian atau ‘*lonely hearts*’ sering digunakan dalam menerangkan individu yang mencari cinta.

Kajian ini juga mendapati bahawa kesunyian adalah berkait rapat dengan kecenderungan untuk membina keintiman dan hubungan yang kuat di mana kecenderungan untuk melihat diri individu itu yang sebenar adalah lebih jelas ditunjukkan secara atas talian. Penyertaan individu dalam perhubungan secara atas talian juga dipercayai dapat mengurangkan kesunyian mereka (Lawson & Leck 2006). Sindiket penipuan percintaan melalui laman siber terutama membabitkan warga negara Afrika merugikan jutaan ringgit Malaysia (Khadijah Al-Azmi et al. 2016). Di Malaysia, majoriti penipu adalah dari kalangan warga Nigeria, Afrika. Kebanyakan daripada mereka datang ke Malaysia sebagai pelajar antarabangsa (Rege 2009).

Ciri-ciri personaliti individu yang sering berasa sunyi, memerlukan teman dan mengalami tekanan perasaan atau murung merupakan ciri-ciri personaliti berisiko unruk menjadi mangsa cinta siber. Dalam hal ini terdapat dua bentuk pola maklum balas telah dikenalpasti. Pola yang pertama ialah informan yang mempunyai tiga ciri-ciri seperti sering berasa sunyi, memerlukan teman dan mengalami tekanan perasaan atau murung. Keduanya, ialah pola maklum balas informan yang tidak memerlukan teman hidup dan tidak cenderung untuk mengalami rasa sunyi walaupun sering mengisi masa lapang dengan melayari media sosial.

Bagi informan W1, mangsa sering berasa sunyi semenjak suaminya tidak mengambil berat akan diri serta urusan keluarga. Ianya menyebabkan beliau sering berdikari bagi meneruskan kelangsungan hidup. Menurut W1:

“...Selalu rasa sunyi. Sunyi sebab *husband* saya tak macam orang ini. Tak pernah ambik tahu hal saya. Even, saya nak bersalin pun saya *drive* sendiri. Tapi saya tahu dia ada *someone*. Duit dia tak pernah bagi saya. Saya sebenarnya rasa keseorangan, sejak anak saya sulung sampai arwah mak meninggal. Ada suami tapi macam takde suami. Tak juga cukup dengan kawan pun jadi. Sebab kita ni ada masalah kan. Jadi saya perlu kawan *release tension*. Takdelah perlukan sangat orang dalam hidup saya ini. Adalah. Masa mak saya meninggal. Kadang-kala saya fikir. Rumah kena lelong. Keje saya okay saya tak tekanan...”

Pandangan pengkaji tentang huraiān ciri-ciri kesunyian turut diperkuuhkan menerusi temu bual bersama informan sekunder yang berkhidmat di Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman. Informan sekunder 1 menjelaskan bahawa:

"No, sebab dia orang rasa sunyi. Kita perlu berinteraksi. Kalau duduk sorang sahaja lain. So, based on those psikologilah. Two types yang send mesej random, email, whenever they received response and they are one-up. Sweet talk, love talk, look some partner like on social media. Not knowing dorang adalah pak hitam. Hi john how are you, your picture is look nice. But not knowing they real identity like John Gobeko sound Nigerian name in behind. But, supposedly perlu ada common sense thru the phone. If those person tak respon, so takdalah. Tapi kalau respond dia dah naik tahap kedua. Then, the scammers will do the talk, get to know, where are you from. Tapi the victim akan waiting lah, so orang pun tertunggu dan rasa seronok sebab dapat berbual dengan orang luar negara. I want to be your friend, I want to know your better, this and this..."

Kesunyian adalah faktor utama yang menyebabkan seseorang individu mencari perhatian di dunia maya. Menerusi media sosial, didapati wanita lebih mudah menjadi mangsa jenayah cinta siber. Berdasarkan temu bual bersama dengan informan sekunder dua iaitu Penolong Pengarah Digital Forensik, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia, beliau menjelaskan bahawa:

"Mangsa bagi kes kebanyakan scam terdiri golongan yang semi-profesional ataupun professional. Contoh semi: pekerja yang sebagai penolong pentadbir, technician. Bagi professional ianya guru ataupun doktor. Target background check ataupun risikian melalui media sosial Twitter, Ig, Facebook. Kebanyakan scammers adalah berasal dari benua Afrika tapi tak pasti negara mana. Bekerja dari kumpulan yang giat secara aktif sebagai scammer bukan sahaja di Malaysia tapi di rantau Asia. Scammer masa kini adalah structured organise, dan bersiap sedia untuk scam secara profesional. Bukan sahaja di Malaysia tetapi di Rantau Asia. Mereka ada menyediakan alatan, tempat, profile yang boleh

menipu mangsa, template soalan dan boleh menipu mangsa. Saya pernah buat satu kes berkaitan *scammers*, mereka tak pernah fasih dan faham Malaysia. Kita guna bahasa perantara adalah BM. Dan mereka guna *google translate*. Guna emel BM, bahasa Inggeris yang tidak begitu natural. Kita tengok ejaan dan bahasa adalah *google translate* bila perhatikan emel..."

Topik berkomunikasi antara mangsa dengan penjenayah yang mana penjenayah berusaha mendalami serta memahami rutin harian informan setiap kali mesej diberikan. Hal ini menyebabkan wujud satu perasaan yang akrab antara penjenayah dengan mangsa. Di samping itu, peranan penjenayah sebagai rakan akrab turut terserlah dengan adanya kata-kata berbentuk sifat prihatin dengan tujuan memberi semangat kepada informan.

Ekstraversi (extraversion)

Kajian ini turut menemui ciri-ciri personaliti ekstraversi dalam kalangan 12 orang informan yang ditemui bual. Dalam hal ini, individu-individu berpersonaliti kebersetujuan dan ekstraversi mudah terpedaya disebabkan keyakinan dan hubungan emosi yang telah terjalin antara mangsa dan penjenayah semasa fasa *grooming* (Azianura et al., 2018: 63). Selain kesan kewangan dan psikologi, mangsa jenayah cinta siber ini turut mengalami kesan dari segi aspek sosial dan perhubungan (Ross & Smith 2011). *Scammer* juga mempamerkan gambar studio yang berkualiti tinggi untuk mendapatkan senario yang terbaik sehingga mampu memukau dan meluluhkan hati seseorang melalui laman sosial (Rege 2009).

Layanan manis seperti komunikasi yang berkesan, janji kemewahan selepas hidup bersama, ambil berat tentang mangsa sehingga mangsa terpukau dengan *love scammer* sehingga bertindak menjalin cinta di laman siber (Khadijah Al-Azmi et al., 2016). Mangsa jenayah boleh terdiri daripada pelbagai jantina, bangsa, umur atau etnik. Pemangsaan boleh berlaku pada individu, keluarga, kumpulan atau komuniti. Impak jenayah ke atas mangsa individu adalah berbeza dari segi pelbagai faktor tetapi kemungkinan besar bahawa pemangsaan jenayah mempunyai akibat yang signifikan, juga mempunyai akibat dari segi psikologi, fizikal, kewangan dan sosial.

Informan W1, W2, W8, W9, W11 dan L1 gemar akan pujian. Hubungan dengan kekasih maya adalah atas dasar ingin mencari rakan dan sifat mudah menerima pelawaan di media sosial dan rakan sekeliling adalah punca mengapa mereka ini menjadi mangsa jenayah cinta siber. Salah seorang informan kajian iaitu, W1 menyatakan bahawa:

“Boleh terima sebab diarong puji sebab rasa seronok. Yang *scam* nilah. Kalau mesej pun tak semua. Sebab dengan *scammer* ni saya just nak kawan jer. Dengan *scam* ni saya tak tahu kenapa dengan dia ni saya balas pula. Sedangkan saya boleh *delete* je. Whatsapp tak kenal, tak layan. Inilah *first time*. Takkun terima lagi, kecuali yang saya kenal. Ya. Tapi tengok cara dan gaya juga. Tidak ada sangka buruk. Saya mudah percaya dan saya baik dengan semua orang. Kalau setakat ajar kerja okay lah. Sanggup tolong...”.

Manakala W2 juga menyatakan bahawa:

“Saya suka puji and *feel good*. Saya suka buat kawan baru. Orang barat biasa saya semak latar dulu. Susah percaya. Kalau orang tak betul, saya elakkan. Ya tapi tengok orang jugalah. Kalau benar kesusahan saya akan bantu...”

Berdasarkan kenyataan dari informan W1 dan W2, ianya selari dengan kajian Whitty (2012) yang menjelaskan bahawa kesan kepada mangsa berbentuk psikologi adalah individu cenderung merasa sukar melepaskan diri dari hubungan cinta yang dibina atas kepura-puraan tersebut, walaupun dimaklumkan bahawa ianya tidak benar dan bersandarkan penipuan untuk tujuan mengaut keuntungan. Pengaruh sosial lazimnya digunakan oleh penjenayah ke atas mangsa demi mengubah sikap, kepercayaan, persepsi atau tingkah laku lainnya. Selain dari aspek cinta, pemanipulasi iaitu penjenayah lazimnya memperlihatkan tingkahlaku mengambil berat, rasa ditemani, tanggungjawab, persahabatan dan kepercayaan (Kopp 2016).

PERBINCANGAN

Personaliti adalah ciri-ciri tingkah laku yang ada pada individu. Namun, setiap individu mempunyai personaliti yang berbeza. Ia mewakili perwatakan seseorang individu dan dapat diperhatikan dan dinilai melalui tingkah lakunya di dalam situasi pada suatu ketika. Personaliti adalah gaya hidup seorang yang dinamik di dalam jiwa individu itu sendiri. Perwatakan fizikal, corak pertuturan dan daya penarik yang dimiliki oleh individu itu sendiri yang menghuraikan tentang seseorang. Whitty (2012) yang meneliti mengenai personaliti individu yang menjadi mangsa jenayah cinta siber menyatakan terdapat empat ciri yang lazim dimiliki oleh mangsa. Tetapi menerusi kajian ini, karakter yang digunakan hanyalah ekstraversi dan kesunyian kerana ianya lebih dominan untuk menerangkan peristiwa yang dilalui oleh mangsa.

Dari segi teoritikalnya, dapat dirumuskan bahawa mangsa penipuan jenayah cinta siber di Petaling Jaya mempunyai indikator yang serupa dengan landasan teori oleh Ezzat Abdel Fattah (2000) iaitu indikator penentu individu sebagai mangsa. Indikator tersebut adalah *Non-Participating Victims, Latent or Predisposed Victims, Participating Victims and False Victims*. Dalam hal ini, mangsa penipuan jenayah cinta siber menyangkal dan menolak kejahatan serta tidak menyertai insiden kejahatan (*Non-Participating Victims*). Namun, faktor demografi seperti status perkahwinan, pekerjaan dan pendapatan lumayan yang dimiliki oleh mangsa telah menarik perhatian penjenayah untuk merangka pelbagai modus operandi bagi mendapatkan sejumlah wang hasil dari perhubungan cinta yang terjalin.

Perdebatan teoritikal yang kedua menjurus kepada karakter tertentu seperti kesunyian dan ekstraversi yang menyebabkan individu menjadi mangsa penipuan jenayah cinta siber (*Latent or Predisposed Victims*). Namun, akhirnya mangsa mengalami episod hitam yang tidak hanya berkisar tentang nilai kerugian. Mangsa adakah disisihkan oleh ahli keluarga dan rakan sebaya serta sukar mendapatkan sokongan sosial selepas melalui pengalaman perhubungan cinta alam siber yang pahit. Ketiga, majoriti mangsa tidak sedar bahawa diri berpotensi menjadi mangsa penipuan jenayah cinta siber disebabkan naluri tamak yang dimiliki (*Participating Victims*). Mangsa penipuan jenayah cinta siber menjadi sasaran penjenayah disebabkan faktor individu itu sendiri dalam

melayari laman web media sosial seperti *Facebook*, *Twoo*, *Instagram*, *Linked-In*, *Viber* yang dapat dikategorikan sebagai *False Victims*. Perkongsian maklumat peribadi seperti profil media sosial, nombor telefon peribadi dan pejabat, nombor akaun bukti transaksi dan alamat kediaman serta latar belakang diri memudahkan penjenayah menggunakan data-data tersebut untuk merancang sindiket yang berasaskan modus operandi pengiriman bungkusan (Ahmad Safwan, Farrah Diana, Siti Noraini & Maslim 2015).

KESIMPULAN

Penipuan siber merupakan satu ancaman jenayah yang melanda bukan sahaja negara maju; bahkan negara yang sedang membangun seperti di Malaysia. Kecanggihan teknologi dan maklumat (ICT) dan ciri-ciri keselamatan yang dikawal menerusi penggunaan media sosial masih belum memadai untuk menangani gejala penipuan siber. Ancaman jenayah siber yang berleluasa pula masih sukar ditangani sehingga akar umbi. Ia melibatkan penjenayah warga negara asing yang sukar dikenal pasti dari identiti dan kepelbagaiannya taktik serta modus operandi yang kian berkembang. Situasi sedemikian menyukarkan pelaksanaan undang-undang secara holistik kepada penjenayah maya ini. Usaha-usaha oleh PDRM dan SKMM dalam memberikan pendidikan keselamatan dalam kempen dan iklan masyarakat untuk tidak mendedahkan privasi identiti pengguna media sosial seharusnya dititikberatkan oleh masyarakat. Sehubungan itu, pendidikan terhadap penggunaan ICT dan media sosial yang secara telus memaparkan kegiatan harian penggunanya seharusnya diwaspadai oleh belia kini. Hal ini kerana, pengguna media sosial terbabit berkemungkinan besar dipantau oleh sindiket yang menanti peluang mengaut keuntungan dari individu yang berpotensi menjadi mangsa.

RUJUKAN

Ahmad Safwan Hamsi, Farrah Diana Saiful Bahry, Siti Noraini Mohd. Tobi & Maslin Masrom. (2015). Cybercrime over internet love scams in Malaysia: A discussion on the theoretical perspective, connecting factors and key to the problem. *Journal of Management Research*, 7(2), 1941-899X.

- Azianura Hani Shaari., Yeap Yoke Peng & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2018). *Jenayah Cinta Siber*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Siasatan Jenayah Siber & Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman. (2018a). *Laporan statistik kes dan kerugian jenayah penipuan cinta siber di Malaysia bagi tahun 2015 hingga tahun 2018*. Kuala Lumpur: BSJSM, JSJK.
- _____. (2018b). *Modus operandi dan kategori jenayah penipuan cinta siber di Malaysia bagi tahun 2015 hingga tahun 2018*. Kuala Lumpur: BSJSM, JSJK.
- _____. (2018c) *Laporan statistik kes dan kerugian jenayah penipuan cinta siber untuk daerah Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan bagi tahun 2015 hingga tahun 2018*. Kuala Lumpur: BSJSM, JSJK.
- Bergiel, B., Bergiel, E., & Balsmeier, P. (2008). Internet cross border crime a growing problem. *Journal of Website Promotion*, 3(3/4), 133-142.
- Buchanan, T., & Whitty, M. T. (2014). The online dating romance scam: Causes and consequences of victimhood. *Psychology, Crime and Law*, 20(3), 261-283. <https://doi.org/10.1080/1068316X.2013.772180>
- Budd, C., & Anderson, J. (2011). Consumer fraud in Australasia: Results of the Australasian Consumer Fraud Taskforce online Australia surveys 2008 and 2009. Diakses dari <https://www.ncjrs.gov/App/Publications/abstract.aspx?ID=255882>.
- Creswell, J.W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Evans, A.M., & Revelle, W.R. (2008). Survey and behavioral measurements of interpersonal trust. *Journal of Research in Personality*, 42(6), 1585-1593.
- Ezzat Abdel Fattah. (2000). *The vital role of victimology in the rehabilitation of offenders and their reintegration into society*. Paper presented at the 12th International Training Course, Tokyo, Japan.
- Harian Metro. *Mangsa Jenayah Love Scam di Malaysia*. bertarikh 9 April 2017.
- Harian Metro. *Kes Love Scam di Rekod Meningkat*. bertarikh 28 Julai 2017

Internet Usage Statistics. *The Internet Big Picture, World Internet Users and 2018 Population Stats.* (<https://internetworkworldstats.com/stats.html>. diakses pada 28 November 2018)

Internet Usage in Asia. *Internet Users, Facebook Subscribers & Population Statistics for 35 countries and regions in Asia.* (<https://www.internetworkworldstats.com/stats3.html>. diakses pada 28 November 2018).

Kenrick, D.T., McCreathe, H.E., Govern, J., King, R., & Bordin, J. (1990). Person-environment intersections: Everyday settings and common trait dimensions. *Journal of Personality and Social Psychology*, 58(4),685.

Khadijah, Al-Azmi & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2016). *Love scam: Modus operandi jenayah siber ke atas wanita profesional.* Dalam International Social Development Conference 2016 Conference Proceedings. Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia. pp. 162-171. ISBN 978-967-0876-91-7

Koon, T. H., & Yoong, D. (2013). Preying on lonely hearts: A systematic deconstruction of an internet romance scammer's online lover persona. *Journal of Modern Languages*, 23, 28–40.

Kopp, C. (2016). *Structural analysis of online romance scams by applying the Transtheoretical Model in conjunction with the Theory of Personal Love Stories.* Australia: Federation University Australia.

Lawson, H.M., & Leck, K. (2006). Dynamics of internet dating. *Social Science Computer Review*, 24(2),189-208.

Parker, D. (1998). *Fighting computer crime: A new framework for protecting information.* New York: Wiley Computer Publishing.

Rege, A. (2009). What's love got to do with it? Exploring online dating scams and identity fraud. *International Journal of Cyber Criminology*, 3(2), 494–512.

Ross, S., & Smith, R. (2011). Risk factors for advance fee fraud victimisation. *Trends and Issues in Crime and Criminal Justice*, 420,1-6.

Rozmi Ismail. (2011). *Psikologi sosial.* Bangi: Penerbit UKM.

Whitty, M.T. (2015). Anatomy of the online dating romance scam. *Security Journal*, 28(4),443-455.

- Whitty, M. T., & Buchanan, T. (2015). The online dating romance scam: The psychological impact on victims – both financial and non-financial. *Criminology and Criminal Justice*, 16(2), 176–194. <https://doi.org/10.1177/1748895815603773>
- Zuckerman, M. (1994). *Behavioral expressions and biosocial bases of sensation seeking*. New York: Cambridge Press.